

19 AUG 2002

Mahathir-Pulang/I

MAHATHIR SELAMAT PULANG DARI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang malam ini daripada lawatan dua hari ke Myanmar.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengetuai delegasi 300 anggota terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan perniagaan termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie.

Beberapa Menteri Kabinet berada di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir antara lain mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Jeneral Kanan Than Shwe, pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara, mengenai cara menggalakkan perniagaan dan kerjasama dalam bidang teknologi antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir juga memberitahu Than Shwe bahawa beliau berminat dengan industri herba di Myanmar selain kemungkinan kedua-dua negara berkerjasama dalam pembangunan rawatan herba.

Lawatan ke Myanmar, kunjungan kedua Dr Mahathir dalam tempoh 19 bulan dan keempat sejak 1988, merupakan kunjungan balas kepada lawatan Than Shwe ke Malaysia pada September tahun lepas.

Lawatan Dr Mahathir pada Januari lepas, telah membuka pintu kepada peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat Malaysia terutama dalam bidang pemprosesan bahan mentah yang banyak terdapat di Myanmar.

Kuala Lumpur dan Yangon menjalin hubungan diplomatik pada 1958 dan Myanmar menjadi negara anggota Asean pada 1977.

-- BERNAMA

AFY AFY LAT